

# Hubungan dua hala beri manfaat kepada Afrika Selatan

21 NOV 2000

AFRIKA Selatan berharap dapat mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dua hala dengan Malaysia kerana yakin ia dapat membantu mengubah struktur ekonomi, seterusnya membantu menghapuskan jurang besar ekonomi di kalangan rakyatnya.

Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob G Zuma berkata, sehubungan itu, lebih banyak tindakan bersama di antara syarikat dan kerajaan kedua-dua negara diperlukan.

"Itulah yang kami bincangkan, kami rasa kami boleh meningkatkan lagi kefahaman, kerjasama serta tindakan bersama antara syarikat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hari kedua Dialog Antarabangsa langkawi 2000 (LID 2000) di sini, hari ini.

Beliau berkata, dasar apartheid telah mewujudkan jurang ekonomi yang

besar di antara kaya dengan yang miskin di Afrika Selatan. Oleh itu, katanya apa yang diperlukan ialah perubahan dalam struktur ekonomi, kerana ini dapat membantu meningkatkan mutu hidup rakyatnya yang miskin.

"Saya rasa dalam hal ini hubungan ekonomi boleh membantu secara langsung dan di sinilah Malaysia boleh membantu dan sedang lakukan," katanya.

Beliau menambah, Afrika Selatan juga percaya dari segi hubungan selatan-selatan, Malaysia boleh memainkan peranan penting bagi memastikan lebih banyak tindakan bersama bagi meningkatkan lagi mutu hidup, bukan sahaja di republik itu malah di negara Selatan Afrika yang lain.

Mengenai perbincangannya dengan Dr Mahathir, Zuma berkata, selain berkisar mengenai

hubungan dua hala sedia ada di antara Malaysia dan Afrika Selatan yang sudah terjalin begitu baik, mereka turut membincangkan cara bagaimana untuk meningkatkan lagi tindakan bersama bagi mengukuhkan lagi hubungan.

Di samping itu, perbincangannya dengan Perdana Menteri juga turut menumpukan kepada isu mengenai perubahan dalam persekitaran ekonomi dunia serta bagaimana menghadapinya.

"Saya gembira dengan perbincangan itu, kami memperolehi idea yang baik mengenai apa yang boleh dilakukan, bukan sahaja dalam hubungan Malaysia dengan Afrika Selatan tetapi juga dengan negara Selatan Afrika," katanya.